

PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR (MAINJ) DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ASNAF

Ungku Abulkhair Ungku Mohd Zakaria
Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi
Universiti Melaka

Zulkarnain Ya'cob
Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi
Universiti Melaka

Muhammad Ridwanto Syaful Anwar
Fakulti Inovasi Perniagaan dan Tekonogi
Universiti Melaka

Nor Saidi Mohamed Nasir
Fakulti Inovasi Perniagaan dan Tekonogi
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: khair_82jb@yahoo.com

Article history:

Received : 26 October 2022
Accepted : 22 December 2022
Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Pembangunan usahawan asnaf merupakan program yang dibentuk bagi mewujudkan pembangunan sosioekonomi yang lebih baik dalam kelompok asnaf. Beberapa isu yang didapati berkait rapat dengan pembangunan usahawan asnaf. Artikel ini melakukan tinjauan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan usahawan asnaf dalam Majlis Agama Islam Negeri Johor. Ia bertujuan menjelaskan keberkesanan program sebagai kayu pengukur dalam konteks pembangunan usahawan asnaf. Kajian dilakukan berasaskan metodologi kualitatif melalui temu bual. Dapatan kajian mendapati program ini mendapat nilai positif dikalangan responden yang ditemui. Kesimpulan hasil kajian mendapati secara keseluruhan program Pembangunan Usahawan Asnaf anjuran MAINJ perlu kepada penambahbaikan kepada asnaf dalam usaha meningkatkan kualiti hidup serta sosioekonomi mereka.

Kata Kunci: Respond Usahawan MAINJ, Bantuan yang disalurkan kepada usahawan asnaf, Keberkesanan Program

THE ROLE OF THE JOHOR ISLAMIC COUNCIL (MAINJ) IN IMPLEMENTING THE ASNAF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT PROGRAM

ABSTRACT

The development of asnaf entrepreneurs is a program formed to create better socioeconomic development in the asnaf group. Some of the issues found are closely related to the development of asnaf entrepreneurs. This article conducts a review of the effectiveness of the implementation of the asnaf entrepreneur development program in the Johor State Islamic Religious Council. It aims to explain the effectiveness of the program as a measuring stick in the context of the development of asnaf entrepreneurs. The study was conducted based on qualitative methodology through interviews. The findings of the study found that this program received positive value among the respondents found. The conclusion of the study found that the overall Asnaf Entrepreneur Development Program organized by MAINJ is necessary for improvements to asnaf in an effort to improve their quality of life and socioeconomics.

Keywords: *Response of MAINJ entrepreneurs, Assistance channeled to asnaf entrepreneurs, Program Effectiveness*

PENDAHULUAN

Kecemerlangan ekonomi sesebuah negara akan berkesinambungan sekiranya wujud tahap daya keusahawanan yang tinggi dalam kalangan para usahawan. Bagi memastikan hasrat ini tercapai sistem suasana yang menggalakkan kelahiran usahawan (*entrepreneurs*) yang menepati ciri-ciri keusahawanan sebenar perlu diwujudkan. Perkara ini akan dapat dilakukan dengan memastikan para usahawan yang berkemahiran dalam bidang perniagaan diketengahkan oleh kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab untuk diamanahkan mengetuai organisasi korporat dan mengurus aset strategik demi kepentingan bangsa dan negara (Mohamad (1996) Dalam petikan Buerah Tunggak, Hussin Salamon, 2011, hal.3).

Islam amat mengalakkan aktiviti perniagaan kerana ianya merupakan intipati dalam pembangunan sesebuah negara dan kesejahteraan ummah, Menurut Rosli Mahmood & Azrain Nasyrah Mustapa (2010) Perniagaan melibatkan aktiviti jual beli iaitu pertukaran barangan yang dilaksanakan oleh manusia untuk memenuhi keperluan kehidupan seharian serta memberi keselesaan hidup. Manusia tidak mampu untuk menyediakan sendiri keperluan hidup mereka. Umpamanya bagi menyediakan makanan dan pakaian, tidak ada manusia yang mampu menjadi penternak, petani, nelayan dan penenun kain sekaligus. Oleh itu, cara yang paling mudah dan praktikal untuk mendapatkan keperluan hidup ialah dengan membeli barangan tersebut. Di sini dapat dilihat bahawa aspek keusahawanan itu bukan sekadar ibadah tetapi sebagai satu kewajipan untuk memenuhi keperluan kehendak masyarakat.

Di samping itu juga dalam memperkasakan usahawan asnaf, Institusi zakat tidak boleh dipandang mudah kerana ianya mempunyai fungsi yang cukup besar dalam menjana ekonomi dan kesejahteraan ummah. Menurut Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimi Abdullah (2016), Zakat adalah salah satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam yang berperanan membangunkan kehidupan manusia. Istilah zakat telah disebut sebanyak 58 kali di dalam Al Quran. 32 kali disebut secara bersendirian dan 26 kali disebut secara beriringan ini menjadikan bukti bahawa Islam mementingkan pembangunan yang seimbang di dunia dan akhirat. Disamping itu juga, zakat juga salah satu rukun Islam yang bersifat member perhatian pembangunan sosio-ekonomi. Perbincangan mengenai zakat dalam konteks ibadah tidak boleh secara terpisah dengan aspek sosio-ekonomi kerana peranan utama zakat adalah membantu golongan yang kurang berkemampuan berdasarkan konsep masalah (al Qardhawi,1973; Nabih Amin, 1996).

Menurut Mohamad Uda kasim (2004) Zakat ialah satu bahagian dan aturan jaminan sosial dalam Islam, di mana aturan sosial ini tidak dikenali oleh Barat kecuali dalam ruang lingkup yang sempit, iaitu

jaminan pekerjaan dengan menolong kelompok orang yang lemah dan fakir. Islam memperkenalkan aturan ini dalam ruang lingkup yang lebih mendalam dan lebih luas meliputi kehidupan material dan spiritual seperti akhlak, pendidikan, politik, pertahanan, ekonomi, kemanusiaan, kebudayaan dan jaminan sosial. Menurut Mujaini Tarimin (2005), Konsep agihan zakat jangka panjang (kifayah al Umr) yang dicadangkan oleh mazhab Shafiyah merupakan satu perancangan yang menepati objektif, iaitu kemiskinan tidak boleh dibanteras dalam masa yang singkat. Oleh itu, fakir dan miskin yang sihat dan berkebolehan dalam bidang-bidang perusahaan dan perindustrian seperti perniagaan, pertanian, pembuatan atau perkhidmatan layak mendapat perhatian pihak pemerintah untuk dibantu dengan memberikan modal dan bimbingan supaya mereka dapat keluar daripada asnaf fakir dan miskin.

Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimi Abdullah (2016) Di Malaysia, Institusi yang bertanggungjawab dalam mengumpul dan mengagihkan dana zakat adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Setiap MAIN mempunyai kuasa masing-masing dalam mengurus dan mentadbir urusan zakat. Hal ini menjadikan amalan pengurusan zakat di Malaysia adalah berbeza di antara setiap negeri. Walaupun wujud perbezaan dari sudut pengurusan kutipan dan agihan namun tujuan yang ingin dicapai adalah sama untuk memastikan tahap pengurusan zakat mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam.

Dalam konteks institusi yang sama-sama menjayakan pembangunan usahawan kecil adalah Majlis Agama Islam Negeri. Melalui agihan zakat kepada golongan asnaf bertujuan untuk membebaskan golongan asnaf daripada kemiskinan melalui program pembangunan usahawan asnaf. Program pembangunan asnaf telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Johor semenjak tahun 2008 dengan bertujuan menjana kehidupan asnaf kepada kehidupan yang bermutu dan bermatlamat.

PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Majlis Agama Islam Negeri Johor telah ditubuhkan pada tahun 1925 tugasnya adalah untuk menasihati Sultan dan kerabat-kerabatnya. Pada tahun 2003 telah dikembangkan bidang kuasanya, mengikut Syeksen 4(1) Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 menyatakan “Mereka hendaklah ada suatu badan bernama ‘Majlis Agama Islam Negeri Johor’ untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam. Dengan kuatkuasa VI Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 itu, Baitulmal, Zakat dan Fitrah dan Wakaf telah diletakkan secara khusus dibawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor mulai Mei 2003.

BAHAGIAN AGIHAN ZAKAT

Bahagian ini menguruskan pengagihan zakat yang dipungut untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak menerimanya. Di bahagian ini terdapat dua Unit kecil iaitu Unit Bantuan Asnaf dan Unit Pembangunan Asnaf. Unit Bantuan Asnaf ini lebih tertumpu kepada kebajikan masyarakat Islam negeri Johor dari segi bantuan keperluan, pendidikan perubatan dan selainnya. Manakala Unit Pembangunan Asnaf lebih tertumpu kepada pembangunan sosioekonomi asnaf penerima bantuan sepertimana menurut Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor(2003). Menurut Ahmad Shahir Makhtar (2017) Unit ini bertanggungjawab melaksanakan program-program seperti kursus motivasi asnaf dan tunas asnaf, latihan kemahiran, mempromosi produk asnaf dan bantuan asnaf-asnaf yang berdaftar dibawah MAIJ dapat berdikari dan terkeluar dari kepompong kemiskinan. Peranan agihan zakat ini dikembangkan lagi menerusi terbitan skim-skim bantuan asnaf iaitu skim sara hidup, perubatan, Pendidikan, Gharim, bantuan berdikari dan bantuan saudara baru.

UNIT UKHUWAH, BAHAGIAN DAKWAH, JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003 bahagian ix memeluk agama Islam fasal 107-117 telah memperuntukkan bidang kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk mendaftar, menyelia, memberi pendidikan, menjaga kebajikan, pelajaran bagi seseorang yang baru memeluk agama Islam sehingga menjadi seorang yang sempurna. Unit Ukhuwah diwujudkan semenjak tahun 1992 di bawah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang mengendalikan urusan pengislaman saudara baru, mengadakan kelas-kelas agama, bantuan, kursus, seminar dan urusan kebajikan seperti urusan perkahwinan, khidmat nasihat sehinggalah urusan kematian. Bagi memastikan keperluan ilmu fardhu ain untuk saudara kita dipenuhi, setiap daerah kini telah memiliki premis sama ada disewa daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor atau orang perseorangan untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Kelas tersebut diberi nama 'Darul Ukhuwah'. Bermula pada 21 Januari 2016, Jawatankuasa Fatwa negeri telah membuat keputusan "Had tempoh panggilan muallaf di negeri Johor Darul Takzim adalah berdasarkan kepada uruf iaitu selama 10 tahun bermula dari tahun tarikh memeluk Islam. Sepanjang tempoh tersebut, seseorang muallaf hendaklah mengikuti kelas-kelas agama yang diiktiraf oleh Jabatan agama Islam Negeri Johor agar mereka terbimbing dengan sempurna akan ajaran Islam". Jawatankuasa Fatwa juga telah bersetuju dengan cadangan hak muallaf iaitu:

Jadual 1: Cadangan Hak Muallaf

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN CADANGAN
1.	Pendidikan	Tiada had tempoh muallaf diberikan
2.	Bantuan saguhati kewangan dan perubatan	Mengikuti tempoh had kelayakan muallaf yang ditetapkan.
3.	Urusan pernikahan, kelahiran dan kematian	Tiada had diberikan.

Jawatankuasa Fatwa bersetuju dengan kelayakan muallaf iaitu:

Jadual 2: Kelayakan Muallaf

BIL	PERKARA	KELAYAKAN MUALAF
1.	Bagi tahun pertama hingga kesepuluh pengislaman	Saguhati pengislaman (berbentuk wang tunai)
		Bantuan kewangan: sara hidup, berdikari, perumahan (sewa rumah)
		Pendidikan
		Perubatan
		Agihan wang raya (zakat fitrah)
2.	Bagi tahun kesembilan dan seterusnya	Pendidikan
		Perubatan
		Urusan pernikahan, kelahiran dan kematian

Bantuan berdikari

Merupakan bantuan yang diberikan kepada asnaf untuk memulakan perniagaan. Di dalam pelaksanaan bantuan berdikari terdapat tiga peringkat yang perlu dilalui oleh asnaf yang memohon iaitu dari segi kewangan, peralatan dan kursus. Program yang dijalankan secara berkala dan selama 6 bulan di bawah seliaan Pusat Pembangunan Asnaf. Bantuan berdikari ini juga diterjemahkan dengan bantuan mikro sepertimana yang diberikan oleh agensi tertentu seperti MARA, TEKUN dan sebagainya. Namun begitu bantuan mikro ini ada yang bersifat pemberian tunai dan kredit.

Permasalahan Kajian

Golongan asnaf merupakan golongan yang berhak menerima zakat sepertimana firman Allah SWT dalam (Surah At-Taubah 9:60) maksudnya “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang berhak memerdekakan dirinya, dan orang-orang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah), dan orang-orang musafir(yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah Allah Maha Mengetahui. Lagi Maha Bijaksana”. Menurut JAWHAR (2007), Golongan asnaf telah ditetapkan kepada lapan golongan sahaja, namun begitu terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi untuk melayakkan mereka tergolong sebagai penerima zakat. Perkara ini perlu bagi memastikan hasil zakat tidak dieksplotasi oleh golongan yang tidak bertanggung jawab. Secara ringkasannya asnaf itu terbahagi kepada lapan iaitu, fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, Gharim, Fisabillillah dan Ibnussabil.

Di dalam penelitian memperkasa usahawan asnaf ini hanya tiga golongan asnaf daripada lapan yang terlibat secara langsung dalam program pembangunan iaitu fakir, miskin dan muallaf dalam Tiga golongan asnaf ini perlu dibantu bagi mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Disamping itu juga, Institusi zakat juga menjadi tulang belakang dalam membantu asnaf dalam meningkatkan mutu kehidupan. Namun terdapat permasalahan dikalangan asnaf antaranya: sikap asnaf, kekurangan modal perniagaan., tahap pendidikan yang rendah, tahap hidup yang rendah, serta keadaan ekonomi yang tidak menentu boleh dirangkumkan sebagai sendiri sepertimana menurut Ahmad Firdause Md Fadzil & Mohd Rafi Yaacob (2017).

Disamping itu juga aspek pengagihan zakat dan pungutan zakat kepada asnaf perlulah dikaji bagi melihat sejauhmana pengagihan dan pungutan zakat ini dapat memacu ekonomi masyarakat Islam. Menurut Nik Musthapha Hj. Nik Hassan (2003) zakat dapat mempengaruhi struktur pendapatan yang lebih adil dan mengurangkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin.

Di samping itu juga Model kompetensi usahawan yang dijalankan oleh institusi Zakat perlu juga diteliti supaya relevan dari semasa ke semasa sepertimana menurut Isma Addi Jumbri, & Mohamad Zahir Zainudin (2011). Jika dilihat senario sehingga hari ini pusat zakat atau majlis agama Islam Negeri (MAIN) lebih cenderung memberi bantuan kewangan dan program yang diperlukan oleh asnaf. Ini menunjukkan bahawa pusat zakat atau MAINJ mengambil inisiatif untuk membangunkan ekonomi asnaf.

Justeru itu, kajian yang dijalankan ini dapat menilai keberkesanan program pembangunan asnaf yang dibangunkan oleh MAINJ sama ada peserta asnaf yang mengikuti program ini berpuashati atau sebaliknya.

Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan permasalahan yang di bangkitkan, beberapa persoalan kajian telah di bina seperti berikut:

1. Adakah faktor sendiri mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf ?.
2. Adakah terdapat keberkesanan agihan zakat terhadap program pembangunan usahawan asnaf di Majlis Agama Islam Negeri Johor ?

Objektif kajian

Berasaskan permasalahan dan persoalan kajian, objektif kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

- i. Melihat keberkesanan program kepada peserta asnaf yang mengikuti program usahawan asnaf.
- ii. Mendidik asnaf daripada seorang penerima zakat kepada pembayar zakat

Skop kajian

Kajian yang dibuat adalah bagi melihat perkembangan perniagaan golongan ansaf khususnya di sekitar daerah Johor Bahru. Seramai 3 responden dikalangan asnaf ditemubual.

Operasional Definisi

Dalam Kajian ini terdapat 3 variabel yang diuji iaitu usahawan asnaf, MAINJ dan kompetensi usahawan.

Takrif

1) Takrif keusahawanan

Umumnya, usahawan boleh ditakrifkan sebagai seorang yang mengusahakan sesuatu perniagaan sehingga berjaya dengan motif memperoleh keuntungan di samping mengamalkan amalan-amalan yang strategik untuk terus berjaya. Menurut Richard Cantillon (1934) usahawan sebagai ejen yang membeli alat-alat pengeluaran untuk menghasilkan barangan yang boleh dipasarkan. Evans telah merujuk usahawan kepada individu atau kumpulan yang menganggap tugas menentukan jenis-jenis perniagaan dan membuat keputusan mengenai bentuk barangan dan perkhidmatan atau saiz perniagaan serta pasaran tumpuan. Apabila keputusan ini dibuat, keputusan-keputusan lain yang berkaitan dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan oleh usahawan boleh dilaksanakan. Sementara itu, Coulter (2000) melihat keusahawanan sebagai: satu proses di mana individu atau sekumpulan individu menggunakan usaha-usaha dan perantara untuk mencari peluang mencipta nilai dan pertumbuhan melalui memenuhi keperluan dan kehendak.

TAKRIFAN ASNAF

1) Takrifan Fakir

Seseorang yang tidak mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang boleh memenuhi keperluan asas (daduriat) bagi dirinya dan tanggungan di bawahnya bukan keperluan tambahan (hajiat) dan bukan keperluan kemewahan (tahsiniat), termasuk juga mereka yang tidak ada daya usaha dengan sebab penyakit. Dan jika perempuan tidak mempunyai suami, bapa dan datuk ke atas, atau anak dan cucu ke bawah yang wajib memberi nafkah kepadanya dari segi hukum syarak serta tidak mempunyai makanan yang mencukupi, pakaian dan tempat tinggal bagi dirinya dan tanggungan di bawahnya. Contoh : Seseorang yang memerlukan kepada RM 300.00 sebulan tetapi hanya memperolehi tidak sampai 50% keperluan tersebut untuk menampung keperluan asasi diri dan tanggungan di bawahnya. Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor (2003).

2) Takrifan Miskin

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasi (daduriat) tetapi tidak mencukupi untuk dirinya dan orang di bawah tanggungannya. Contoh: Seseorang yang memerlukan kepada RM 300 tetapi hanya memperolehi sebahagian 50% atau lebih tetapi tidak sampai memenuhi keperluan asasi sebenar bagi diri dan tanggungannya. Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor (2003)

3) Takrifan Mualaf

Menurut Abd Latif Juffri @ Al-Jufri (2015) Mualaf diambil daripada kata dasarnya yang bererti “disatukan”. Mualaf bermaksud orang yang baru menganut Islam atau saudara baru. Menurut Rashid Ridha pengertian perkataan mualaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya. Para Fuqaha sebagaimana yang disebut oleh syed Sabiq membahagikan mualaf kepada dua golongan iaitu mereka yang terdiri daripada pertama, orang Islam dan kedua, orang kafir yang berjinak-jinak dengan Islam. Perkataan mualaf yang dikatakan membawa erti “mereka yang dijinakkan hatinya” bermaksud sebilangan manusia yang dihadapkan hatinya cenderung kepada Islam atau ditetapkan hatinya untuk menghalang kejahatan mereka terhadap orang Islam serta diharapkan mempertahankan orang Islam semasa menghadapi ancaman musuh.

Kendiri

Menurut Rogers (1885) membahagikannya kepada kendiri sebagai objek (struktur) yang bermaksud persepsi individu terhadap dirinya atau imej kendiri dan kendiri sebagai proses iaitu penilaian atau penghargaan individu terhadap kendirinya. Disamping itu juga, Menurut Rogers (1951) menyatakan bahawa manusia itu memang mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan kendiri dengan syarat seseorang itu harus mempunyai keyakinan terhadap dirinya.

Kompetensi usahawan

Menurut Gupta (2007) menyatakan bahawa kompetensi adalah pengetahuan, kemahiran, sikap atau tingkahlaku yang membolehkan seseorang untuk melakukan aktiviti-aktiviti pekerjaan yang diberikan atau fungsi untuk standart yang diharapkan dalam pekerjaan. Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa kompetensi yang dimiliki oleh seseorang individu mempunyai hubungkait yang positif dengan prestasi atau pencapaian kerjayanya dalam sesebuah organisasi (Covin& Miles,1999). Menurut Ibrahim, (2009) Kompetensi keusahawan bermaksud kemampuan atau kecekapan seseorang untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan. Menurut Kuratko dan Hodgets (1995) usahawan adalah satu penciptaan baru yang melalui empat dimensi utama yang melibatkan individu, organisasi, proses dan persekitaran dan dibantu oleh rangkaian kerjasama dalam kerajaan, institusi dan pendidikan.

MODEL KOMPETENSI USAHAWAN ASNAF

Model ini telah dibangunkan oleh institusi zakat sebagai pemangkin untuk golongan asnaf. Model yang dibangunkan ini juga menjadi kayu pengukur kepada prestasi usahawan asnaf supaya dapat bersaing dalam memajukan perniagaan yang diceburi dengan yakin.

MODEL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah mewujudkan model dalam pembangunan asnaf dengan konsep “Menerima dan Diterima, sama-sama untung”. Program ini dapat merapatkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Disamping itu juga, model ini membentuk jati diri asnaf daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

Bil	Konsep	Asnaf	Kerana
1	Menerima (zakat)	Berhak menerima	(Islam dan fakir/ miskin)
2	Diterima (Zakat) (Sama-sama untung)	Berharap diterima	(Amalan dan penghayatan) Mendapat keberkatan Allah

Disamping itu juga model ini bertujuan bagi mendidik asnaf supaya ada sikap tanggungjawab dalam perniagaan yang diceburi. Sebelum ini jika dilihat konsep “memberi umpan baru Joran diberi” tidak sesuai digunakan lagi kerana jika dilihat ramai usahawan asnaf pada mulanya bersemangat tetapi akhirnya “angkat-angkat tahi ayam”. Mula-mula sahaja akhirnya kerja tak menjadi. Konsep beri Joran baru dapat umpan. Dalam konteks Model MAINJ ini ianya menyuntik semangat supaya usahawan yang diwujudkan tahu bahawa sukar dalam mendapatkan sesuatu kejayaan tanpa berusaha dan mereka perlu berusaha dengan gigih bagi meraih sebuah kejayaan dan akhirnya keluar dari kepompong kemiskinan dan menjadi pembayar zakat.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan keberkesanan pelaksanaan Program Pembangunan Asnaf yang dianjurkan oleh Majlis agama Islam Negeri Johor (MAINJ) ke atas asnaf penerima bantuan zakat berdasarkan temubual. Pengkaji akan menerangkan tentang hasil temubual yang telah dikumpulkan dan ditranskripkan oleh pengkaji serta hasil analisis data temubual dianalisa secara interpretasi. Proses analisa secara temubual ini dijalankan kepada 3 orang responden yang berpotensi didalam membincangkan dan meneliti topik yang berkenaan. Beberapa persoalan telah disediakan iaitu:

- 1) Mengapa berminat menjadi usahawan?
- 2) masalah yang dihadapi dalam menceburi bidang perniagaan ini?
- 3) bantuan apa yang diberikan oleh pihak mainj?
- 4) hasil daripada bantuan MAINJ ini apa yang di dapati?
- 5) Pada pendapat tuan / puan program pembangunan usahawan asnaf ini berkesan atau perlu ditambah baik?

ANALISA KAJIAN

Kes 1: Mengapa berminat menjadi usahawan?	
R1	<i>Saya minat sebab, ini memang perniagaan keluarga jadi saya teruskan sahaja. Maklumlah kerja ni sahaja saya minat. Nak buat kerja lain tak tahu. Takut salah step rugi pulak.</i>
R2	<i>Saya minat sebab saya tengok ramai orang berniaga jadi saya ikut sahaja. Maklumlah masa PKP ini mana ada kerja. Janji boleh makan cukuplah.</i>
R3	<i>Saya minat sebab saya yakin boleh merubah hidup keluarga saya jadi lebih baik. Walaupun mulanya untung sikit-sikit janji cukup menampung keperluan keluarga.</i>

Berdasarkan penelitian daripada temubual kes 1 ini di dapati bahawa minat ini disebabkan beberapa perkara yang menyokong iaitu perniagaan bermula dari ahli keluarga dan keadaan yang mendesak. Hasil daripada kes ini dapat disimpulkan bahawa minat ini merupakan perkara asas yang perlu ada dikalangan usahawan.

Kes 2: Masalah yang dihadapi dalam menceburi bidang perniagaan ini?	
R1	<i>Sebelum MAINJ bantu, masalah saya dari segi modal maklumlah harga barang pun naik tak menentu jadi niaga kena niaga. Bila keadaan sekarang ni tak berani nak cakap orang pun tak ramai datang kedai.</i>
R2	<i>Masalah yang saya hadapi sebelum MAINJ bantu biasalah hari ini untung besok tak tahu lagi. Maklumlah niaga buka meja ni orang ramai datang baru ok. Kalau tak habis bungkus bagi surau ke atau masjid. Masalah saja juga modal tu pun penting dan lokasi. Kalau dapat tolong kenal-kenalkan dengan MBBJ ke atau ada tempat yang sesuai.</i>
R3	<i>Masalah saya sebelum MAINJ bantu iaitu modal dan ilmu meniaga ni saya kurang ada. Kadang-kadang main guna je pendapatan hari ni maklumlah nak beli keperluan keluarga kadang-kadang tak cukup. Jadi klu dapat ilmu dan modal tu cantiklah boleh kita gunakan untuk kembangkan perniagaan.</i>

Berdasarkan penelitian daripada temubual kes 2 ini di dapati bahawa masalah yang dihadapi oleh perniaga ini disebabkan beberapa faktor iaitu modal, ilmu pengurusan perniagaan dan lokasi. Elemen-elemen ini perlu diberikan supaya perniaga lebih efisien dalam perniagaan yang diceburi.

Kes 3: bantuan apa yang diberikan oleh pihak mainj kepada puan/ tuan?	
R1	<i>Bantuan yang pihak MAINJ bagi dari segi modal perniagaan dan peralatan. Walaupun tak besar modal dia bagi tapi ada juga nak buat tambah-tambah barang perniagaan dan peralatan yang diberi pun mahal nak keluar duit sendiri memang tak dapat saya nak beli.</i>
R2	<i>Mainj bagi bantuan kat saya modal dan peralatan. Kalau peralatan tu macam payung perniagaan. Tapi cukuplah janji boleh niaga.</i>
R3	<i>Saya banyak berterima kasih kepada mainj dia beri bantuan dari segi modal dan ilmu perniagaan kepada saya jadi mudah saya buat pusingan modal. Sebelum ni main pakai saja.</i>

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kes 3 ini didapati bahawa pihak MAINJ telah memberikan bantuan dari segi modal, ilmu perniagaan dan kemahiran kepada perniaga yang menyertai program usahawana asnaf.

Kes 4:) hasil daripada bantuan MAINJ ini apa yang tuan/puan di dapati?	
R1	Bagi saya apa yang saya dapati daripada bantuan pihak MAINJ ni, saya dapat mengembangkan perniagaan saya dulu ada satu cawangan sekarang dah ada dua cawangan. Tapi yang sangat bersyukur saya dapat menunaikan zakat setelah lama berniaga baru saya tahu zakat ni penting rupanya dalam kehidupan dan perniagaan.
R2	Mulanya dengan suka-suka niaga, tapi sekarang saya bertambah yakin dalam perniagaan hasil bantuan MAINJ ini saya percaya mampu pergi lebih jauh lagi dan dapat bayar zakat juga.
R3	Bantuan MAINJ ini macam satu bonus kepada saya dan keluarga kerana dengan bantuan ni saya dapat besarkan anak-anak sehingga ada anak yang Berjaya masuk Universiti. Dan saya juga tak lupa bayar zakat saya tahu duit zakat tu juga dapat bantu orang lain yang susah.

Dapat kajian mendapati responden yang ditemubual berpuas hati dengan bantuan yang diberikan oleh pihak MAINJ kepada mereka. Mereka mengambil peluang dengan bantuan yang diberi dengan mengembangkan lagi potensi yang mereka miliki untuk menjadi usahawan dan pembayar zakat.

Kes 5: Pada pendapat tuan/ puan program pembangunan usahawan asnaf ini berkesan atau perlu ditambah baik?	
R1	<i>Program ini bagus kalau dapat diwar-warkan kepada semua asnaf yang terlibat. Supaya mereka juga dapat memajukan diri mereka</i>
R2	<i>Kalau dapat program ini diberitahu kepada yang lain. Mana ke tahu dapat hasil lagi ramai yang Berjaya dan saya harap bangunan pembangunan asnaf ditambah lagi dibeberapa daerah supaya ramai lagi dapat mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MAINJ.</i>
R3	<i>Kalau dapat program ini dimaklumkan kepada orang ramai yang memerlukan bantuan.</i>

Hasil dapatan kajian mendapati ketiga-tiga responden berpuas hati dan meminta agar program ini diberitahu kepada asnaf yang lain. Supaya dapat membantu lebih ramai lagi yang Berjaya. Secara keseluruhannya ketiga-tiga aspek ini dapat menunjukkan berkenaan perubahan sikap dan tingkahlaku peserta, pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran peserta dan pemantauan terhadap peserta dalam jangka masa panjang dan secara tidak langsung dapat memberikan keberkesanan kepada pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Asnaf.

Secara keseluruhannya pengkaji dapat membuat kesimpulan berkenaan hasil dapatan daripada 5 kes persoalan yang ditujukan kepada 3 orang responden mendapati keberkesanan pelaksanaan program pembangunan usahawan asnaf ini memberi manfaat kepada mereka. Pengkaji berharap agar program ini dapat terus dilaksanakan secara berterusan dalam membantu golongan asnaf untuk keluar daripada kemiskinan dan dalam masa yang sama MAINJ meningkatkan imej serta mutu MAINJ sebagai sebuah entity badan berkanun yang unggul.

RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif diatas kajian yang diulaskan dengan menggunakan dapatan kajian daripada responden yang ditemubual oleh pengkaji mendapati komitmen Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam aspek pengurusan pelaksanaan program pembangunan usahawan asnaf secara jujurnya mendapati bahawa pelaksanaan program ini wajar dan perlu diteruskan dan ditambah nilai dari semasa ke semasa bagi melahirkan lagi ramai usahawan dan membina konsep menang-menang dengan tujuan daripada penerima kepada pembayar zakat. Kajian ini diharapkan menjadi tapak kepada penyelidik yang akan datang supaya mereka berminat dalam hal usahawan asnaf. Penyelidikan berunsur memperkasa usahawan asnaf yang telah dijalankan adalah amat terhad. Melalui dokumen-dokumen lalu dan terkini, terdapat sumber rujukan yang berkaitan zakat dan pengurusan zakat.

RUJUKAN

- Ahmad Firdause Md Fadzil & Mohd Rafi Yaacob (2017). Psikologi Usahawan: Peranan Motivasi kepada penciptaan perniagaan baharu E-Dagang, *Journal of Business and Social Development*, Vol 5 Number 1, March 2017: 49-59, Penerbitan UMT, Malaysia.
- Azman Ab Rahman, Mohamed Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi & Mohd Faez bin Abu Bakar (2014). Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi memperkasa Ekonomi Golongan Asnaf, Prosiding PERKEM ke 9 (2014) 191-198
- Buerah Tunggak, Hussin Salomon & Baharin Abu (2012). Pengaruh Faktor-faktor Demografi terhadap budaya niaga usahawan Bumiputera Muslim, *Jurnal Kemanusiaan Bil 20*, University Teknologi Malaysia
- Zulkiply Omar (2015) Peranan IKS di dalam Ekonomi, *Berita Harian*, 16 September 2015E. Suhartiningsih, N Noto Sudarmo, & Faudziah Hanim Hj Fadzil (2017) Hubungan factor demografi dan Latihan Pendidikan Usahawan MARA di negeri Melaka Terhadap Keberkesanan usahawan, *Journal of Business Innovation*, Volume 2 No.1/2017:73-82
- Fajar Nugraha & Aditya Rahmat Gunawan (2017). Analysis of Women's participation in Effort to Increase the family income, *Proceeding The 1st, International Conference on Social Science*, University of Muhammadiyah Jakarta, Indonesia, 1-2 Nov 2017
- Fahami Muhammad Anis & Salina H. Kassim (2016). Effectiveness of Zakat- Based programs on poverty alleviation and economic empowerment of poor women: A case study of Bangladesh. [ResearchGate](#)
- Farah Aida Ahmad Nadzri, Normah Omar & Rashidah Abdul Rahman (2018). Enterprise Government of Micro Entrepreneurs in Malaysia: Comparison between the Amanah Ikhtiar Malaysia and Asnaf Economic Development Program. *GJAT*, www.gjat.my
- Fatimah Salwa Abd Hadi & Joni Tamkin Borhan (2013) Faktor-faktor kejayaan perniagaan Khadijah binti Khuwalid: Analisis Terhadap usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Syariah*, Jilid 21 Bil. 2 (2013) 117-144
- H. Ahmad Afan Zaini (2014). Pasar persaingan sempurna dalam perspektif ekonomi Islam. *Jurnal Ummul Qura*. Vol IV, No.2
- Hisham bin Sabri & Zulkifli bin Hasan (2006). Zakat: Instrument penyumbang pembentukan Usahawan. *Jurnal Zakat*. Seminar Kebangsaan Pengurusan harta dalam Islam, Kolej Islam Pahang Sultan Ahamad Shah (KIPSAS) Kuantan, Malaysia.
- Isma Addi Jumbri, & Mohamad Zahir Zainudin (2011) Pembangunan Modal Insan dalam kalangan fakir dan miskin sebagai usahawan: kajian kes di Lembaga Zakat Selangor. *Human Development, Journal of Human Capital Development*, Vol. 4 No.2.

- Izatul Akmar binti Ismail & Muhammad Nasri bin Hussain (2017) Productive Zakat Distribution by Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. Vol. 7, No. 3
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri (2007) *Pengurusan Zakat*, JAWHAR, Malaysia
- Jabatan Mufti Negeri Johor (2016). *Keputusan Jawatankuasa Fatwa: Mualaf*. Johor, Malaysia.
- Kuratko, D.F. (2005). The emergence of entrepreneurship education: Development trends, and challenges. *Entrepreneurship theory and practice*,29(5),577-598.
- Louise M. Kelly, Nicholas Athanassiou & William F. Crittenden (2000) *Founder Centrality, and Strategic Behavior in the Family-Owned Firm*, *Entrepreneurship Theory and Practice*, Copyright 2000 by Baylor University.
- Michael Giering (2008). Retail sales Prediction and Item Recommendations Using Customer Demographics at Store Level, Vol 10, Issue 2, *SIGKDD Explorations*.
- Michael Morris, Minet Schindehutte & Jeffrey Allen (2005). The entrepreneur's business model: toward a unified perspective, *Journal of Business Research* 58 (2005) 726-735, Elsevier
- Muhammad Ikhlas Rosele (2016) *Amalan pembayaran zakat institusi kewangan Islam di Malaysia: satu tinjauan*, Malaysia
- Mohd Adib Abd Muin, Muhammad NasriMd Hussain, Muhammad Ahmad, Mahyuddin Abu Bakar & Shuhairim Abdullah (2015). *Pelaksanaan Konsep Zakat dalam keusahawanan Sosial Islam Isu dan cabaran*. Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan
- Mohd Nor Hakim Bin Yusoff, Abdullah Al Mamun, Mohamed Dahlan Ibrahim, & Hasannuddin Hassan(2018). Measuring and Compareing functional business skills and knowledge among Asnaf community in Malaysia. *Interdisciplinary Approach to economics and sociology Journal*. Issue 11, No. 2, 229-247
- Mohd Sabri Abdul Ghafar, Zainudin Zakaria, rohana Yusuff, Mohd ariff Kamaludin & Azian Abdul Ghani (2017). *Model pembangunan usahawan asnaf NAIDAM (PUASMA)*. Proceeding of the International Conference on Islam development and Social Harmony in South East Asia.
- Mohamad Uda kasim (2004). *Zakat, Teori, Kutipan dan Agihan*. Pusat zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd
- Mujaini Tarimin (2005). *Golongan penerima zakat: agihan dana zakat secara lebih berkesan*. Pusat Terbitan Universiti (UPENA), Universiti teknologi MARA. Malaysia
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, Adibah Hasanah Abd Halim (2008) *Mobilisasi Zakat dalam pewujudan usahawan asnaf: satu tinjauan*, *Jurnal Syariah* Jil 16, Keluaran Khas (2008) 567-584.
- Norhayati Samba Mohamed Nor Azam Mastuki Sharifah Norzehan Syed Yusuf Maheran Zakaria (2018). *Management control system in Asnaf entrepreneurship Development Program by Lembaga Zakat Selangor*. *Jurnal Pengurusan* 53, 16 pages.
- Nurul Husna Haron, Hazlina Hassan, Nur Syuhada Jasni & Rashidah Abdul Rahman (2010) *Zakat for Anafs Business by Lembaga Zakat selangor*, *Malaysian Accounting Review*, Special Issue Vol 9 No 2, 2010, University Teknologi MARA.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad (2011). *Strategi Pembangunan Asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat*. *Jurnal Pengurusan* 33. 37-44.